



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
NOVEMBER 2017**

MOSTI BANGUNKAN STANDARD BAGI REKA BENTUK STRUKTUR BANGUNAN YANG TAHAN GEMPA BUMI

PUTRAJAYA, 30 November – MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan Malaysian Standard (MS) bagi kod reka bentuk bangunan tahan gempa bumi. MS yang melibatkan dua fasa ini telah dibangunkan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Fasa pertama adalah melibatkan pembangunan MS EN 1998-1:2015 yang mengguna pakai secara terus standard Eropah iaitu Eurocode 8 "*Design Of Structures For Earthquake Resistance - Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules For Buildings*". MS ini telahpun diluluskan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI pada 11 Ogos 2015 dan telah diterbitkan.

Manakala fasa kedua yang baru siap ini, adalah pembangunan *Malaysia National Annex to Eurocode 8: "Design of Structures for Earthquake*

resistance - Part 1: General rules, seismic actions and rules for buildings". Menerusi dokumen *Malaysia National Annex ini*, nilai-nilai bagi parameter tertentu telah dikenal pasti mengikut kesesuaian Malaysia (*Nationally Determined Parameter*).

"Pembangunan standard ini adalah merupakan tindakan pantas dan responsif Kerajaan terhadap tragedi gempa bumi berukuran 6.0 pada skala Richter yang telah melanda daerah Ranau dan Kundasang pada 5 Jun 2015 lalu yang mana telah mengorbankan seramai 18 nyawa dan mengakibatkan harta benda musnah dan rosak." jelas YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Standard yang dibangunkan ini akan menyediakan garis panduan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan berkenaan reka bentuk struktur bangunan yang tahan kepada gempa bumi dalam memastikan jangka hayat, kekuatan dan keselamatan bangunan di kawasan yang terdedah kepada bencana gempa bumi terjamin. Standard ini juga dapat membantu dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang selamat menerusi perancangan kemajuan pembangunan yang sistematik, terancang dan berdaya tahan terhadap bencana gempa bumi. Ia sekaligus dapat memastikan impak positif terhadap kualiti dan keselamatan kehidupan rakyat Malaysia serta pembangunan sosio-ekonomi yang mampan pada masa akan datang.

Buat masa ini, pematuhan kepada MS ini adalah secara sukarela sehinggalah ianya diwartakan atau dirujuk dalam akta atau peraturan teknikal yang berkenaan di negeri-negeri. Pihak-pihak berkuasa tempatan amat digalakkan untuk menguatkuasakan penggunaan MS

tersebut melalui peraturan, kod pembinaan serta garis panduan bangunan.

“Pada bulan September yang lalu, Jemaah Menteri Sabah telah dimaklumkan mengenai perkembangan terkini pembangunan *Malaysia National Annex Eurocode 8*. Jemaah Menteri Sabah juga mengambil maklum terhadap pembahagian zon-zon nilai *Peak Ground Acceleration* (PGA) bagi keseluruhan negeri Sabah di dalam *Seismic Hazard Map* yang dibentangkan. Pada dasarnya, Jemaah Menteri Sabah telah bersetuju dengan cara pembahagian zon tersebut berbanding hanya satu nilai PGA bagi seluruh negeri yang dicadangkan sebelum ini.” tegas YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau.

MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah pada 9 Oktober 2017 di Kota Kinabalu. MoU ini bertujuan untuk mengeratkan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam membangun, mempromosi dan melaksanakan standard-standard yang berkaitan khususnya standard berkaitan gempa bumi demi kepentingan rakyat dan negara.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092

Unit Pembangunan Standard Kebangsaan
Bahagian Standardisasi
Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 0002
Emel: unitstd@jsm.gov.my